

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 01 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana pencen dan gratuiti Menteri-Menteri, Yang DiPertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara, dan Ahli-Ahli Parlimen dikira. Nyatakan sama ada benar mereka boleh mendapat jumlah pencen dan gratuiti yang besar sungguhpun mereka hanya berkhidmat untuk satu tempoh yang singkat seperti yang didakwa oleh Ahli Parlimen Muar.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS TUGAS KHAS)**

Tuan yang Dipertua,

1. Pembayaran pencen dan ganjaran Menteri-Menteri, Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara serta Ahli-Ahli Parlimen adalah tertakluk kepada Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [Akta 237]. Pengiraan faedah pemberhentian perkhidmatan ini adalah seperti berikut:

- a. Pencen (bayaran bulanan) : $1/144 \times$ tempoh perkhidmatan yang dimasukkan kira x gaji
(terhad maksimum tiga per lima daripada gaji yang diterima dengan tempoh perkhidmatan yang sempurna genap 87 bulan)
- b. Gratuiti (bayaran sekaligus) : $1/48 \times 12 \times$ tempoh perkhidmatan yang dimasukkan kira x gaji

2. Berdasarkan formula pengiraan yang dinyatakan, jumlah pembayaran pencen dan ganjaran adalah bergantung kepada dua (2) elemen utama iaitu tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira dan gaji/elaun yang diterima. Dalam masa yang sama, apa-apa ganjaran atau *award* tunai yang pernah diterima Ahli berkenaan sebelum ini akan ditolak sebelum pembayaran ganjaran terkini dilaksanakan.

3. Pengiraan pembayaran faedah penamatan adalah bergantung kepada jumlah tempoh perkhidmatan dan gaji/elaun yang diterima oleh setiap Ahli Parlimen seperti yang diperuntukkan dalam Jadual 1 Seksyen 2(1), akta yang sama:

NO. SOALAN : 49

“Seseorang yang berhenti menjadi Ahli atau Anggota boleh diberi pencen jika dia telah menyempurnakan tiga puluh enam bulan perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira:

Dengan syarat bahawa jika seseorang yang menjadi Ahli atau Anggota untuk pertama kalinya pada atau selepas 1 Julai 1990 berhenti menjadi Ahli atau Anggota apabila menyempurnakan tiga puluh enam bulan perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira tetapi masih belum mencapai umur lima puluh tahun pada tarikh dia berhenti menjadi Ahli atau Anggota, dia boleh diberi pencen hanya apabila dia kemudiannya mencapai umur lima puluh tahun.”

4. Dalam hal ini pandangan Ahli Parlimen Muar bahawa Menteri-Menteri, Yang DiPertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara, dan Ahli-Ahli Parlimen mendapat jumlah pencen dan gratuiti yang besar sungguhpun mereka hanya berkhidmat untuk satu tempoh yang singkat adalah tidak tepat.

Sekian, terima kasih.